

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Multi Biz Protector. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

# Insurans Multi Biz Protector

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini direka untuk pemilik perniagaan kecil dan sederhana (PKS). Produk ini menyediakan anda dengan Pelan Insurans Komprehensif yang melindungi perniagaan anda terhadap semua risiko yang mungkin dalam satu polisi.

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Policy ini melindungi:-

#### **Seksyen I**

##### **Kebakaran**

Melindungi kerugian atau kerosakan harta benda yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan peril seperti berikut :

- Kerosakan pelanggaran pesawat udara
- Kerosakan hentaman
- Gempa bumi dan letusan gunung berapi
- Ribut & angin kencang
- Banjir
- Letupan
- Pecahan atau limpahan radas tangki air atau paip
- Kebocoran perenjais air
- Kerosakan akibat rusuhan, mogok serta niat jahat

##### **Kerugian Akibat Kebakaran**

Melindungi kehilangan keuntungan kasar/pendapatan kasar/gaji atau peningkatan kos bekerja yang berpunca daripada gangguan atau campur tangan melalui perdagangan atau aktiviti perniagaan yang disebabkan oleh peril yang dilindungi dibawah Seksyen I - Kebakaran atau Seksyen II – Risiko Semua.

##### **Seksyen II – Risiko Semua**

Melindungi kerosakan pada peralatan pejabat, computer dan kelengkapan perabut.

##### **Seksyen III – Perlindungan Komprehensif**

###### **Kecurian**

Melindungi kerugian harta benda disebabkan kecurian atau pecah masuk termasuklah rompakan bersenjata dan/atau tebusan.

###### **Wang**

Melindungi kehilangan wang semasa perjalanan dan semasa disimpan di dalam premis.

###### **Kesetiaan Jaminan**

Melindungi kerugian wang secara langsung disebabkan apa-apa perbuatan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana-mana pekerja anda yang diinsuranskan berkaitan dengan pekerjaan dan tugasnya.

###### **Kepingan Kaca**

Melindungi semua kepingan kaca termasuk bekas pameran berkaca dari kerosakan akibat kemalangan.

###### **Liabiliti Awam**

Melindungi pihak diinsuranskan terhadap liabiliti pada undang-undang untuk tuntutan ganti rugi dan kos tuntutan bagi kecederaan anggota badan dan kerosakan harta benda pihak ketiga disebabkan kemalangan di dalam premis diinsuranskan.

###### **Liabiliti Majikan**

Melindungi pihak diinsuranskan terhadap liabiliti pada undang-undang untuk kecederaan anggota badan pekerja (termasuk penyakit) yang dialami semasa bekerja.

##### **Seksyen IV – Kumpulan Kemalangan Diri**

Melindungi kecederaan anggota badan yang disebabkan secara langsung dengan cara luaran dan nyata akibat kemalangan yang mengakibatkan kematian atau kecacatan kekal pada orang yang diinsuranskan.

Nota :

1. Seksyen I – Kerugian Akibat Kebakaran, Seksyen II dan Seksyen IV perlindungan adalah pilihan.
2. Seksyen III perlu dibeli bersama dengan Seksyen I atau II atau kedua-duanya sekali.

### 3. Berapakah premium yang perlu anda bayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza tertakluk kepada jenis perniagaan dan klasifikasi pengstruktur binaan, jumlah yang diinsuranskan bagi Seksyen I dan Seksyen II, peril dipilih untuk insurans di bawah Seksyen I, pelan yang dipilih untuk insurans di bawah Seksyen III dan keperluan pengunderaitan kami.

### 4. Apakah yuran serta tambahan bayaran yang perlu saya bayar?

Selain premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, jika ada	6% daripada premium
b. Duti setem	RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada perantara, jika ada, sebanyak 25% dari premium yang dikenakan.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Keputusan Pendedahan** – Anda mestilah memberitahu semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami, seperti sejarah insurans dan kerugian anda, apa-apa perubahan yang berlaku di premis anda dan lain-lain lagi.
- **Jumlah yang diinsuranskan** – Anda harus memastikan amaun harta yang diinsuranskan di bawah Seksyen I dan Seksyen II adalah cukup dan mengambil kira sekali pengubahsuaian yang dilakukan.
- **Asas Penilaian** – Nilai Pasaran. Pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
- **Kesan Jumlah untuk diinsuranskan tidak mencukupi** – Jika jumlah yang diinsuranskan bagi Seksyen 1 – Kebakaran dan/atau Seksyen II – Semua Risiko dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian, anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata ini akan dikenakan sekiranya berlakunya tuntutan.
- **Warranti Premium** – Premium mesti dibayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.

### 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:-

- Kebakaran bawah tanah
- Pencemaran atau kontaminasi
- Perang, perang saudara dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radiaktif dan tenaga nuklear
- Liabiliti diambil alih oleh perjanjian

Nota : Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini.

### 7. Bolehkan saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan member notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

### 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**9. Apakah yang harus dilakukan sekiranya berlaku kemalangan?**

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan butiran lengkap dalam tempoh 15 hari selepas kemalangan. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda.

**10. Apakah yang perlu dilakukan semasa membuat tuntutan ?**

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasatan yang dilantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

**11. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya ?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan atau ejen anda atau layari laman web kami di [www.mpigenerali.com](http://www.mpigenerali.com)

**MPI Generali Insurans Berhad**  
**(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)**  
**8th Floor, Menara Multi-Purpose**  
**Capital Square,**  
**8, Jalan Munshi Abdullah**  
**50100 Kuala Lumpur**  
**Tel: 03-2034 9888**  
**Fax: 03-2694 5758**

**12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan ?**

- Insurans Kebakaran
- Insurans Kerugian Akibat Kebakaran
- Insurans Risiko Semua
- Insurans Kecurian
- Insurans Wang
- Insurans Kesetiaan Jaminan
- Insurans Kepingan Kaca
- Insurans Liabiliti Awam
- Insurans Liabiliti Majikan
- Insurans Kemalangan Diri

**NOTA PENTING:**

**ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2016.